

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR A/L
VARATHARAJU NAIDU [
BATU GAJAH]**

NO. SOALAN : 524

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai cadangan untuk membina satu jambatan merentasi Sungai Selinsing di Jalan Besar Kampung Baru Nalla, Tronoh. Jika ya, nyatakan secara terperinci mengenai projek tersebut memandangkan kerap kali berlaku banjir ketika hujan lebat.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek membina jambatan merentasi Sungai Selinsing di Jalan Besar Kampung Baru Nalla, Tronoh tiada dalam senarai projek Kementerian ini yang diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas(RMKe-11).

Dalam hal ini, Yang Berhormat boleh mengemukakan permohonan bagi melaksanakan projek tersebut melalui Kerajaan Negeri yang diselaraskan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN). Dalam masa yang sama, Kementerian ini akan meminta kerjasama pihak Jabatan Kerja Raya untuk meneliti keperluan bagi pembangunan infrastruktur tersebut.